

PENDIDIKAN

Sekolah terbaik di setiap kejranaan

PEMERINTAH berhasrat menjadikan semua sekolah di setiap kejranaan sebagai sekolah terbaik kerana ia merupakan pelaburan paling penting dan memberi manfaat dalam jangka panjang bagi rakyatnya.

Menekankan hal itu, Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, berkata langkah itu merupakan respons utama yang pemerintah ambil sesuai dengan teknologi yang berkembang pesat dan dunia yang semakin berubah.

Langkah itu diambil meskipun Singapura mempunyai sistem pendidikan yang baik di semua peringkat, tegas beliau dalam Rapat Hari Kebangsaan di Pusat Budaya Universiti Nasional Singapura (NUS), malam tadi.

Menjelaskan lebih lanjut, Perdana Menteri berkata universiti-universiti setempat melahirkan para mahasiswa yang amat dicari bukan saja di sini, malah di seberang laut.

Para pelajar peringkat politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) pula meraih banyak anugerah, termasuk dalam Peraduan Kemahiran Dunia 2011.

“Tetapi kita tidak hanya memberi perhatian khusus kepada para pelajar terbaik, malah meraikan para pemenang pingat dan pelajar kita yang cemerlang.

“Tetapi, sekolah-sekolah dan para guru juga melakukan yang terbaik untuk setiap pelajar, daripada yang lemah sehinggalah yang paling berbakat.

“Justeru, kita mahu menjadikan semua sekolah di setiap kejranaan se-

“ Dengan dedikasi yang ditunjukkan pasukan pendidik, kami yakin anak saya akan lebih bersedia dalam Peperiksaan Tamat Sejolah Rendah.

– Encik Lee Hsien Loong.

bagai sekolah yang baik,” ujar Encik Lee.

Beliau menukil e-mel daripada Encik V. Balu, ayah Praveen, pelajar darjah enam Sekolah Rendah Townsville, sebagai berkata:

“Saya kagum terhadap keterbukaan dan mudahnya para guru didekati... Dengan bimbingan dan motivasi yang diberikan para guru seperti Cik Suhaizan dan Encik Quek, anak saya mencatatkan kelakonan lebih baik dalam peperiksaan pertengahan tahun.

“Dengan dedikasi yang ditunjukkan pasukan pendidik, kami yakin anak saya akan lebih bersedia dalam Peperiksaan Tamat Sejolah Rendah (PSLE).”

Perdana Menteri selanjutnya berkata lebih banyak laluan pendidikan lebih tinggi akan disediakan bagi memenuhi aspirasi rakyat Singapura.

Ramai pelajar ITE yang ingin memasuki politeknik dan para pelajar politeknik pula mahu meraih ijazah universiti.

Beliau berkata bilangan tempat di universiti telah ditambah tetapi semakin ramai yang mahu ke menara gading dan kerana itulah pemerintah menugaskan Menteri Negara Kanan (Pendidikan merangkap Pertahanan), Encik Lawrence Wong, meneliti isu tersebut.

Rumusan penelitiannya ialah lebih banyak tempat perlu disediakan di universiti dengan perhatian diberi kepada pengajian berorientasikan aspek praktikal seperti melahirkan jurutera, fisioterapis dan pekerja sosial – bukannya melahirkan lebih banyak siswazah tanpa mengira mutu dan peluang pekerjaan bagi mereka seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, Eropah dan China.

Menurutnya, terdapat dua institusi pengajian tinggi – Universiti SIM (UniSIM) dan Institut Teknologi Singapura (SIT) – yang kini bekerja rapat dengan pihak perusahaan dan menekankan pengajaran berorientasikan praktikal.

UniSim menawarkan kursus-kursus separuh masa bagi pelajar dewasa dan bekerjasama dengan perusahaan seperti menawarkan kursus-kursus sistem angkasa lepas dan penerbangan bagi para pelajar mempelajari aspek praktikal kejuruteraan penerbangan.

SIT pula mempunyai rakan berkualiti tinggi dari beberapa negara lain seperti dalam bidang media digital interaktif, membuat program robot dan membuat roti pita.